

TALKING POINTS

**Y.BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB
NAIB CANSELOR UTeM**

MALAM PENGHARGAAN BERSAMA MEDIA 2017

20 Oktober 2017, Hatten Hotel, 8.30 pm

Terima Kasih Pengacara Majlis,

SALUTASI

Bismillahirrahmannirrahim.

Yang Berbahagia Profesor Datuk Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Yang Berbahagia Profesor Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin
Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)

Yang Berusaha, Encik Samad bin Majid
Yang Di-Pertua Kelab Media Massa Melaka

Pegawai-pegawai kanan Universiti, rakan-rakan media yang diraikan serta hadirin hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 755 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

PENGENALAN

- Majlis Makan Penghargaan bersama Media merupakan **program tahunan** yang diadakan bagi meraikan rakan-rakan media.
- Tahun lepas telah dibuat di Hotel Wana Riverside, tahun ini malam penghargaan bersama media diadakan dengan lebih meriah di Hotel Hatten.
- Diharapkan semua tetamu jemputan khususnya rakan media benar-benar menikmati malam penghargaan ini.

HUBUNGAN UTeM BERSAMA MEDIA

- Telah banyak membuat liputan di dalam media cetak atau elektronik tentang UTeM sehingga **melonjakkan imej dan membawa nama UTeM** terus dikenali oleh masyarakat tempatan dan antarabangsa.
- Media sama-sama membantu dalam **menyampaikan berita tentang pencapaian UTeM** sama ada dalam akademia, penyelidikan, pembangunan pelajar dan lain-lain terus ke mata dan pendengaran masyarakat.
- **Rakan terbaik dalam mempromosikan** produk-produk yang dihasilkan oleh UTeM kepada masyarakat, di samping menjadi **penghubung terbaik** untuk masyarakat luar mendekati UTeM dengan lebih rapat.
- Alhamdulillah, dalam tahun 2017 sehingga hari ini, **sebanyak 533 berita berkaitan UTeM telah disiarkan** dengan meluas di dalam media cetak dan elektronik. Pencapaian angka ini adalah **sekali ganda** berbanding tahun 2016.

- UTeM mengukuhkan lagi ukhwah bersama rakan Media menerusi:
 - ✓ Lawatan ke Ketua-Ketua Biro Media di Negeri Melaka
 - ✓ Lawatan ke Ibu Pejabat Utusan, NST, RTM di Kuala Lumpur
 - ✓ Melaksanakan program CSR dengan agihan akhbar sisipan SKOR kepada sekolah-sekolah sekitar Negeri Melaka.
 - ✓ UTeM ingin menjemput rakan-rakan media ke **sidang media Majlis Konvokesyen UTeM ke 13** pada 3 November 2017, jam 10.00 pagi di Dewan Canselor.

TINDAKAN STRATEGIK UTeM

- UTeM akan **terus konsisten menyalurkan berita-berita yang berimpak tinggi** kepada media untuk liputan yang lebih meluas sehingga ke peringkat nasional.

- **Strategi UTeM untuk meningkatkan liputan terhadap produk penyelidikan** UTeM untuk nilai pengkomersilan yang lebih tinggi.
- **24/7 akses komunikasi terus kepada Pejabat Korporat UTeM** bagi memudah perhubungan dan mendapatkan respon segera terhadap sebarang isu yang hangat diperkatakan.

HARAPAN

- Dapat **meneruskan kerjasama baik** antara UTeM dan rakan media
- Saling bantu-membantu dalam meningkatkan lagi kecemerlangan antara kedua-dua pihak.
- Tanpa kerjasama, bantuan dan hubungan yang baik bersama pihak media, **UTeM sukar untuk bergerak dan dikenali umum** seterusnya berada di aras kecemerlangan seperti mana yang telah berjaya di capai pada hari ini.

PENUTUP

- **Terima kasih juga kepada Encik Samad bin Majid dan semua rakan media** yang sudi meluangkan masa hadir untuk bersama-sama pada malam ini.

Letih berjalan di tengah pekan
Sambil berjalan berpegangan tangan
Terima kasih kami ucapkan
Jasa rakan media jadi kenangan.

Sekian, terima kasih.